

94- Kadang-kadang sebab turun (ayat) sama, ayat-ayat yang turun (kerananya) pula (ada) beberapa, dan sebaliknya.

قَدْ يَكُونُ سَبَبُ النُّزُولِ وَاحِدًا
وَالْآيَاتُ النَّازِلَةُ مُتَفَرِّقَةً، وَالْعَكْسُ.

قاعدة ٩٤

Keterangan:

Sebab turun ayat kadang-kadang satu sahaja, sedangkan ayat-ayat yang termasuk di bawahnya ada beberapa. Sebaliknya ada juga ayat yang turun hanya satu sahaja, tetapi sebab turunnya ada beberapa.

Contoh bahagian pertama, iaitu sebab turun hanya satu, tetapi ayat-ayat yang turun berkaitan dengannya ada beberapa ialah satu hadits yang diriwayatkan oleh Tirmidzi, di mana beliau mengemukakan satu kisah yang dikaitkan dengannya beberapa ayat al-Qur'an. Lihat hadits berkenaan di bawah ini:

حَدَّثَنَا ابْنُ أَبِي عُمَرَ حَدَّثَنَا سُفْيَانُ عَنِ ابْنِ أَبِي نَجِيحٍ عَنْ مُجَاهِدٍ عَنْ أُمِّ سَلَمَةَ أَنَّهَا قَالَتْ يَغْزُو الرِّجَالُ وَلَا تَغْزُو النِّسَاءُ وَإِنَّمَا لَنَا نِصْفُ الْمِيرَاثِ. فَأَنْزَلَ اللَّهُ (وَلَا تَتَمَنَّوْا مَا فَضَّلَ اللَّهُ بِهِ بَعْضُكُمْ عَلَى بَعْضٍ). قَالَ مُجَاهِدٌ فَأَنْزَلَ فِيهَا (إِنَّ الْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ) وَكَانَتْ أُمُّ سَلَمَةَ أَوَّلَ ظَلِيعِنَةٍ قَدِمَتْ الْمَدِينَةَ مُهَاجِرَةً.

Bermaksud: Mujāhid meriwayatkan daripada Ummi Salamah bahawa beliau berkata (kepada Nabi s.a.w.): “(Kenapa) Lelaki boleh (pergi) berperang dan orang-orang perempuan pula tidak boleh, dan wanita hanya mendapat setengah pesaka?” Maka Allah menurunkan firmanNya ini:

وَلَا تَتَمَنَّوْا مَا فَضَّلَ اللَّهُ بِهِ بَعْضُكُمْ عَلَى بَعْضٍ ... ﴿٣٢﴾

Bermaksud: Dan janganlah kamu terlalu mengharap (ingin mendapat) limpah kurnia yang Allah telah berikan kepada sebahagian dari kamu (untuk menjadikan mereka) melebihi sebahagian yang lain (tentang harta benda, ilmu pengetahuan atau pangkat kebesaran).... (an-Nisā':32).

Kata Mujāhid, “Lalu diturunkan kerananya firman Allah:

إِنَّ الْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ ... ﴿٣٥﴾

Bermaksud: Sesungguhnya orang-orang lelaki yang Islam serta orang-orang perempuan yang Islam... (al-Aḥzāb:35).

Ummu Salamah adalah adalah wanita berhijrah yang pertama sampai ke Madinah. (Sunan at-Tirmidzi j.5 m/s 237, hadits no:3022).

Di dalam hadits ini sahaja sudah tersebut dua firman Allah dalam ayat yang berlainan, sedangkan sebab turunnya sama, iaitu apabila Nabi s.a.w. ditanya oleh isterinya Ummu Salamah r.a.

Tirmidzi juga meriwayatkan satu lagi hadits daripada Ummu Salamah, kata beliau:

يَا رَسُولَ اللَّهِ لَا أَسْمَعُ اللَّهَ ذَكَرَ النِّسَاءِ فِي الْهَجْرَةِ فَأَنْزَلَ اللَّهُ تَعَالَى: {أَنِّي لَا أُضِيعُ عَمَلَ عَامِلٍ مِنْكُمْ مِنْ ذَكَرٍ أَوْ أُنْثَىٰ بَغَضُكُمْ مِنْ بَعْضٍ}

Bermaksud: Wahai Rasulallah! Saya tidak mendengar Allah ada menyebut tentang wanita berhubung dengan hijrah. Maka Allah menurunkan firmanNya:

... لَا أُضِيعُ عَمَلَ عَامِلٍ مِنْكُمْ مِنْ ذَكَرٍ أَوْ أُنْثَىٰ ... ﴿٣٥﴾

Bermaksud: ... Sesungguhnya Aku tidak akan sia-siakan amal orang-orang yang beramal dari kalangan kamu, sama ada lelaki atau perempuan, ... (Aali `Imraan:195). (Lihat Sunan Tirmidzi j.5 m/s 237, hadits no:3023).

Hadits ini pula mengandungi ayat ketiga bagi sebab nuzul yang sama, iaitu apabila Ummu Salamah bertanya Nabi s.a.w.

Bahagian kedua pula ialah ayat yang turun hanya satu sahaja, tetapi sebab turunnya ada beberapa. Bahagian kedua ini sebenarnya termasuk dalam ayat yang berulang kali turunnya. Contohnya ialah firman Allah di bawah ini:

يَا أَيُّهَا النَّبِيُّ لِمَ تُحَرِّمُ مَا أَحَلَّ اللَّهُ لَكَ تَبْتَغِي مَرْضَاتَ أَزْوَاجِكَ وَاللَّهُ غَفُورٌ رَحِيمٌ ﴿١٠﴾

Bermaksud: Wahai Nabi! Mengapa engkau haramkan (dengan bersumpah menyekat dirimu daripada menikmati) apa yang dihalalkan oleh Allah bagimu, (kerana) engkau hendak mencari

kesenangan hati isteri-isterimu? (Dalam pada itu, Allah ampunkan kesilapanmu itu) dan Allah sememangnya Maha Pengampun, lagi Maha Mengasihani. (at-Taḥrīm:1).

Terdapat dua riwayat berhubung dengan sebab turun ayat ini:

(i) Riwayat yang menyatakan Nabi s.a.w. bersumpah tidak akan meminum madu lagi, padahal madu itu adalah minuman yang halal. Sebabnya hanyalah kerana menghendaki kesenangan hati isteri-isterinya. Bukhari dengan sanadnya meriwayatkan daripada `Aaishah, katanya:

كَانَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ يَشْرَبُ عَسَلًا عِنْدَ زَيْنَبَ بِنْتِ جَحْشٍ، وَيَمْكُثُ عِنْدَهَا، فَوَاطَيْتُ أَنَا وَحَفْصَةُ عَلَى، أَيُّنَا دَخَلَ عَلَيْهَا فَلَتَقُلْ لَهُ: أَكَلْتَ مَغَافِيرَ، إِيَّيْ أَجِدُ مِنْكَ رِيحَ مَغَافِيرَ، قَالَ: لَا، وَلَكِنِّي كُنْتُ أَشْرَبُ عَسَلًا عِنْدَ زَيْنَبَ بِنْتِ جَحْشٍ، فَلَنْ أَعُودَ لَهُ، وَقَدْ خَلَفْتُ، لَا تُخِيرِي بِذَلِكَ أَحَدًا فَتَزَلْتُ: {يَا أَيُّهَا النَّبِيُّ لِمَ تُحَرِّمُ مَا أَحَلَّ اللَّهُ لَكَ}

Bermaksud: Rasulullah s.a.w. selalu meminum madu di rumah Zainab binti Jahsyin dan berada agak lama di rumahnya. Maka aku berpakat dengan Ḥafshah bahawa sesiapa antara kita didatangi Baginda, dia hendaklah berkata kepadanya, “Engkau makan maghāfir? Sesungguhnya aku berbau maghāfir dari mulutmu.” Nabi s.a.w. pula menjawab, “Tidak, aku hanya minum madu di rumah Zainab binti Jahsyin. Kalau begitu aku tidak akan meminumnya lagi, aku bersumpah! (Tetapi) Janganlah engkau beritahu kepada sesiapa pun tentangnya.” (Hadits riwayat Bukhari di dalam Sahihnya j.6 m/s 156, hadits no:4912).

Di dalam riwayat Ḥajjāj tersebut:

Maka turunlah firman Allah: {يَا أَيُّهَا النَّبِيُّ لِمَ تُحَرِّمُ مَا أَحَلَّ اللَّهُ لَكَ} Bermaksud: Wahai Nabi! Mengapa engkau haramkan (dengan bersumpah menyekat dirimu daripada menikmati) apa yang dihalalkan oleh Allah bagimu...” (hingga ke akhir ayat). (Lihat Sahih Bukhari j.7 m/s 44, hadits no:5267).

(ii) Riwayat Anas dan lain-lain yang menyatakan Nabi s.a.w. mengharamkan ke atas dirinya hamba sahaya Baginda Mariah r.a., maka turunlah firman Allah di permulaan surah at-Taḥrīm itu. Lihat riwayat berkenaan di bawah ini:

عَنْ أَنَسٍ، «أَنَّ رَسُولَ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ كَانَتْ لَهُ أَمَةٌ يَطْوُهَا فَلَمْ تَزَلْ بِهِ عَائِشَةُ وَحَفْصَةُ حَتَّى حَرَّمَهَا عَلَى نَفْسِهِ»، فَأَنْزَلَ اللَّهُ عَزَّ وَجَلَّ: {يَا أَيُّهَا النَّبِيُّ لِمَ تُحَرِّمُ مَا أَحَلَّ اللَّهُ لَكَ} [التحریم: ١] إِلَى آخِرِ الْآيَةِ

Bermaksud: Anas meriwayatkan, bahawa rasulullah s.a.w. mempunyai seorang hamba wanita yang disetubuhinya. Maka `Aaishah dan Ḥafshah terus berhelah sehingga akhirnya Nabi s.a.w. mengharamkan Mariah ke atas dirinya. Lalu Allah menurunkan firmanNya yang bermaksud: Wahai

Nabi! Mengapa engkau haramkan (dengan bersumpah menyekat dirimu daripada menikmati) apa yang dihalalkan oleh Allah bagimu..." (hingga ke akhir ayat). (Hadits riwayat an-Nasaa'i, Baihaqi dan lain-lain).

Itulah salah satu contoh satu ayat yang dinukilkan beberapa sebab nuzulnya.